

PM lancar Koridor Utara Perak hari ini

UM - 31/7/2007
BAGAN SERAI 30 Julai - Lebih 10,000 orang dijangka membanjiri Sekolah Menengah Kebangsaan Selinsing dekat sini bagi menyaksikan pelancaran pelan terperinci Wilayah Ekonomi Koridor Uatar peringkey negeri Perak yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi esok.

Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Selinsing, Datuk Zaili Cha berkata, Perak akan menjadi pusat pendidikan dan pembangunan insan selepas Pulau Pinang yang menjadi hab untuk logistik dan pelabuhan manakala Kedah dan Perlis dalam bidang pembangunan pertanian dan penghasilan biji benih.

“Program Koridor Utara di sini akan melibatkan empat daerah iaitu Hulu Perak, Kerian, Kuala Kangsar dan Daerah Larut Matang Selama.

“Kita gembira kerana kawasan ini akan dimajukan sebagai pertubuhan wilayah yang berperanan membangunkan rakyat,” katanya di sini hari ini.